

**PERNYATAAN PENTING UNTUK
PERSIDANGAN PEMBAURAN HARI PERINGATAN 2026**

**Kita dapat masuk ke dalam kepulihbangkitan baru
yang akan mengakhiri zaman ini
dengan mencapai puncak tertinggi wahi divin,
dengan menjalani kehidupan Tuhan-manusia,
dan dengan berbahagian dalam ministri Kristus di syurga
yang menggembala kawanan-Nya menurut Tuhan.**

**Puncak tertinggi wahi divin
yang diberikan Tuhan kepada kita ialah wahi
tentang ekonomi abadi Tuhan—
Tuhan menjadi manusia dan manusia menjadi Tuhan.**

**Kita perlu bekerjasama dengan
ministri Kristus di syurga
untuk menggembala gereja Tuhan
yang merupakan kawanan-Nya
demi pembinaan Tubuh Kristus
dan kepulihbangkitan baru.**

**Untuk menggembala menurut Tuhan,
kita perlu menjadi satu dengan Tuhan,
dikonstitusikan dengan Tuhan, berhidupkan Tuhan,
mengekspresikan Tuhan, mewakili Tuhan,
dan meministerkan Tuhan.**

**Garis Kasar Mesej untuk Persidangan Pembauran Hari Peringatan
22-25 Mei 2026**

**SUBJEK AM:
KEPERLUAN YANG AMAT BESAR UNTUK KEPULIHBANGKITAN BARU**

Mesej Satu

**Bekerjasama dengan Tuan untuk Membawa Masuk Kepulihbangkitan Baru
yang Akan Mengakhiri Zaman Ini**

Bacaan Bible: Hab. 3:2; Kis. 26:19, 22; Mat. 14:19, 22-23; Flp. 1:19-22, 25; Yoh. 21:15-17

- I. Dalam kalangan umat pilihan Tuhan, aspirasi untuk dipulihbangkitkan sentiasa ada—Hab. 3:2; Hos. 6:2; Roma 8:20-22; Mzm. 119:25, 50, 107, 154; Yoh. 6:57, 63; 2 Kor. 3:3, 6.**
- II. Kita dapat masuk ke dalam kepulihbangkitan baru dengan mencapai puncak tertinggi wahi divin yang diberi Tuhan kepada kita—wahi tentang ekonomi abadi Tuhan (1 Tim. 1:3-4; 1 Kor. 9:17; Kis. 26:19, 22); inilah jawapan yang agung kepada persoalan agung tentang tujuan Tuhan mencipta manusia dan menanggulangi umat pilihan-Nya (Kej. 1:26; Ayub 10:13; bd. Ef. 3:9):**
 - A. Misteri yang tersembunyi dalam hati Tuhan ialah ekonomi abadi Tuhan (1:10; 3:9; 1 Tim. 1:4), yakni hasrat abadi Tuhan berserta hasrat hati-Nya untuk mendispenkan diri-Nya dalam Trinita Divin sebagai Bapa dalam Anak melalui Roh itu ke dalam umat pilihan-Nya untuk menjadi hayat dan sifat mereka agar mereka dapat menjadi sama seperti Dia sebagai duplikasi-Nya (Roma 8:29; 1 Yoh. 3:2), untuk menjadi suatu organisma, Tubuh Kristus yang merupakan manusia baru (Ef. 2:15-16), demi kepenuhan Tuhan, ekspresi Tuhan (1:22-23; 3:19), yang akan berkonsumsi dalam Yerusalem Baru (Wahi 21:2—22:5).
 - B. Tuhan menjadi manusia agar manusia dapat menjadi Tuhan dalam hayat dan dalam sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan untuk menghasilkan dan membina Tubuh Kristus bagi mengkonsumasikan Yerusalem Baru ialah esens bagi seluruh Bible, yakni “berlian” dalam “kotak” Bible, ekonomi abadi Tuhan—Kej. 1:26; Yoh. 12:24; Roma 8:29:
 1. Tuhan menjadi manusia menerusi inkarnasi dengan berbahagian dalam keinsanan manusia; manusia menjadi Tuhan dalam hayat dan sifat (tetapi bukan dalam Ketuhanan) menerusi transformasi dengan berbahagian dalam kedivinan Tuhan—Yoh. 1:14; 2 Kor. 3:18; Kol. 3:4; 2 Ptr. 1:4; Flp. 2:5; Roma 8:29; Ibr. 2:10; Ef. 1:5; Roma 8:19; 1 Yoh. 3:2; Yoh. 1:12-13.
 2. Kisah cinta divin-insani ini ialah subjek seluruh Bible, isi kandungan ekonomi Tuhan, dan rahsia seluruh alam semesta—Kid. 1:1; 6:13; bd. Hab. 1:1; 2:4; Roma 1:17:
 - a. Kristus adalah divin dan insani, dan pencinta-Nya yang ditransform adalah insani dan divin; mereka sama dalam hayat dan sifat, berpadanan dengan satu sama lain secara sempurna.
 - b. Tuhan Tritunggal yang terkonsumsi sebagai Suami dan manusia tripartit yang ditransform sebagai pengantin akan menjadi satu pasangan, yakni Tuhan-manusia korporat yang agung—Wahi 21:2, 9; 22:17a.
 - C. Wahi utama Tuhan dan pemulihan Tuan ialah Tuhan menjadi tubuh daging (Yoh. 1:1, 14), tubuh daging menjadi Roh beri-hayat (1 Kor. 15:45b), dan Roh beri-hayat menjadi Roh yang diperhebat tujuh kali ganda (Wahi 1:4; 3:1; 4:5; 5:6) untuk membina gereja (Mat. 16:18) yang menjadi Tubuh Kristus (Ef. 4:15-16) dan yang mengkonsumasikan Yerusalem Baru (Wahi 21:2, 9; 22:17a; bd. Kej. 2:22; Yoh. 19:34).

- D. Tuhan dan manusia akan menjadi satu entiti, dan satu entiti itu ialah pembauran kedivinan dengan keinsanan; pembauran ini akan berkonsumasi dalam Yerusalem Baru sebagai kesimpulan seluruh Bible—Wahi 21:3, 22, 2, 9; bd. Im. 2:4-5; Mzm. 92:10.
- E. “Saya berharap agar para pekudus dalam semua gereja di seluruh bumi, terutamanya rakan sekerja dan penatua, akan melihat wahi ini lalu bangkit berdoa supaya Tuhan memberi kita suatu kepulihbangkitan yang baru—suatu kepulihbangkitan yang belum pernah dicatat dalam sejarah”—*Life-study of 1 and 2 Chronicles*, m.s. 15.

III. Sekiranya kita mengamalkan kehidupan Tuhan-manusia, iaitu realiti Tubuh Kristus, secara spontannya akan terbinanya suatu model korporat, iaitu suatu model yang hidup dalam ekonomi Tuhan; model ini akan menjadi kepulihbangkitan terbesar dalam sejarah gereja untuk membawa Tuan kembali—Mzm. 48:2 dan nota kaki 1; Wahi 3:12, 21:

- A. Tuhan memerlukan suatu manusia korporat yang dibangkitkan melalui kurnia-Nya menerusi puncak tinggi wahi divin untuk menjalani kehidupan yang menurut wahi ini; kepulihbangkitan ialah amalan, pelaksanaan, bagi visi yang telah kita lihat.
- B. Pengikut Kristus (Mat. 5:1; 28:19) didisipalkan menerusi kehidupan insani Kristus di bumi, yang merupakan model Tuhan-manusia—berhidupkan Tuhan dengan menyangkal diri-Nya dalam keinsanan (Yoh. 5:19, 30); ini merevolusikan konsep mereka tentang manusia (Flp. 3:10; 1:21a).
- C. Kehidupan kita seharusnya menjadi salinan, reproduksi, bagi model kehidupan Kristus, iaitu Tuhan-manusia pertama—1 Ptr. 2:21; Mat. 11:28-29; Ef. 4:20-21; Yoh. 17:4; 5:17; Flp. 1:19-22, 25.
- D. Roh hayat dan realiti yang dihembuskan ke dalam disipal akan membimbing mereka ke dalam segala realiti berkenaan apa-apa yang telah diperhatikan mereka daripada Tuan ketika mereka bersama dengan-Nya selama tiga tahun setengah itu—Yoh. 16:13; 20:22:
 1. Pada permulaan ministri Tuhan-manusia yang pertama, Dia dibaptis untuk memenuhi segala keadilan, mengakui bahawa menurut tubuh daging-Nya (keinsanan-Nya—1:14; Roma 1:3; 8:3), Dia tidak berguna untuk apa-apa melainkan mati dan dikebumikan (Mat. 3:15-17).
 2. Semasa melakukan mukjizat memberi makan kepada lima ribu orang dengan lima roti dan dua ikan, Tuan melatih disipal-disipal-Nya agar belajar daripada-Nya (11:29); Dia “menengadah ke langit” untuk mengucapkan berkat atas lima roti dan dua ikan (14:19) menunjukkan bahawa Dia sedar bahawa Dia (Yang diutus itu) bukan sumber berkat, tetapi Bapa (Yang mengutus itu) ialah sumber berkat (Yoh. 10:30; 5:19, 30; 7:6, 8, 18).
 3. Tuan tidak tetap berada dalam hasil mukjizat bersama orang ramai tetapi Dia menjauhkan diri daripada mereka untuk bersama Bapa secara peribadi di atas gunung dalam doa—Mat. 14:22-23; Luk. 6:12.
 4. Tuan menjalani kehidupan yang menghubungi Tuhan (Mrk. 1:35; Luk. 5:16; 6:12; 9:28; Ibr. 7:25), sentiasa hidup dalam hadirat Tuhan (Kis. 10:38c; Yoh. 8:29; 16:32), dan menjalani kehidupan yang menghubungi orang, meministerkan Tuhan ke dalam mereka untuk membawa mereka ke dalam jubli ekonomi Wasiat Baru Tuhan (Luk. 4:18-19; Ibr. 8:2; bd. Kej. 14:18; Kis. 6:4).
 5. Dia seorang manusia, yang dalam-Nya Syaitan, yakni pemerintah dunia, tidak ada apa-apa (tidak ada kedudukan, tidak ada peluang, tidak ada harapan, tidak ada kemungkinan dalam apa-apa pun)—Yoh. 14:30b, bd. ay. 20; 2 Kor. 12:2a; Kol. 1:27; 2 Tim. 4:22; Yoh. 3:6b; 4:23-24; 1 Yoh. 5:4, 18.
- E. Satu-satunya cara untuk menjalani kehidupan Tuhan-manusia menurut model Tuan ialah meletakkan seluruh diri kita pada roh pembauran, bergerak-hidup, hidup, dan berperilaku menurut roh pembauran—Roma 8:2, 4, 10, 6, 11, 16;

1 Kor. 6:17; Roma 10:12; Gal. 5:25; Ef. 6:17-18; 1 Tes. 5:16-20; 1 Tim. 4:6-7; 2 Tim. 1:6-7.

- F. “Kita semua harus mengisyharkan bahwa kita ingin menjalani kehidupan Tuhan-manusia. Akhirnya para Tuhan-manusia akan menjadi pemenang, pejayeng, yakni Zion dalam Yerusalem. Ini akan membawa masuk kepulihbangkitan baru yang tidak pernah dilihat dalam sejarah, dan ini akan menamatkan zaman ini”—*Life-study of 1 and 2 Chronicles*, m.s. 28.

IV. Kita dapat masuk ke dalam kepulihbangkitan baru dengan berbahagian dalam ministri Kristus di syurga dengan memberi makan kepada anak-anak domba-Nya dan menggembala domba-domba-Nya demi menjaga kawan Tuhan, yaitu gereja yang menghasilkan Tubuh Kristus; ini berarti menginkorporasikan ministri dutus dengan ministri Kristus di syurga—Yoh. 21:15-17; 1 Ptr. 2:25; 5:1-4; Ibr. 13:20-21; Wahi 1:12-13:

- A. Kita perlu menggembala orang menurut teladan Tuan Yesus dalam ministri-Nya untuk melaksanakan ekonomi abadi Tuhan—Mat. 9:36; Yoh. 10:11; Ibr. 13:20; 1 Ptr. 5:4:

1. Isi kandungan seluruh ekonomi Wasiat Baru Tuhan dalam penyelamatan lengkap-Nya ialah Kristus sebagai Anak Manusia membelai kita dengan menebus kita daripada dosa, menyempurnakan penebusan judicial-Nya menebusi kematian-Nya (1 Tim. 1:15; Ef. 1:7); dan Kristus sebagai Anak Tuhan mengkhasiati kita untuk menyalurkan hayat divin ke dalam kita dengan berlimpah-limpah, melaksanakan penyelamatan organik-Nya dalam kebangkitan (Yoh. 10:10; 1 Kor. 15:45b; Ef. 5:29).
2. Sebabnya kita tidak berbuah ialah kita tidak mempunyai hati Bapa yang penuh kasih dan pengampunan serta tidak mempunyai roh Penyelamat yang menggembala dan mencari—Luk. 15:1-24.
3. Kita perlu membelai orang (membuat mereka gembira dan membuat mereka senang hati dan selesa) dalam keinsanan Yesus (Mat. 9:10; Luk. 7:34); kita perlu mengkhasiati orang (memberi mereka makan Kristus almuhit dalam ministri-Nya yang mempunyai tiga tahap) dalam kedivinan Kristus—Mat. 24:45-47.
4. Kristus harus merentasi Samaria, dengan sengaja menyimpang ke Sikhar untuk memperoleh seorang perempuan yang tidak bermoral, membelainya dengan meminta perempuan itu memberi Dia sesuatu untuk diminum agar Dia dapat mengkhasiatinya dengan Tuhan Tritunggal yang mengalir sebagai sungai air hayat—Yoh. 4:3-14; Wahi 22:1.
5. Sebagai Seorang yang tanpa dosa, Dia tidak mengutuk perempuan yang berzina itu, tetapi membelai dia untuk mengampunkan dosa-dosanya secara judicial dan untuk membebaskan dia daripada dosa-dosanya secara organik (Yoh. 8:1-11, 32, 36); memang amat bermakna juga bahawa orang pertama yang diselamatkan oleh Kristus menerusi penyaliban-Nya ialah seorang perompak yang dijatuhkan hukuman mati (Luk. 23:42-43).
6. Tuan pergi ke Yerikho semata-mata untuk melawat dan memperoleh satu orang, yakni ketua pemungut cukai, dan pemberitaan-Nya ialah penggembalaan (19:1-10); Dia juga membelai ibu bapa dengan meletakkan tangan-Nya pada anak-anak mereka (Mat. 19:13-15).

- B. Kita perlu menggembala orang menurut teladan dutus Paulus; dia menggembala pekudus seperti seorang ibu yang menyusui dan seorang bapa yang menasihati untuk menjaga kawan Tuhan—1 Tes. 2:7-8, 11-12; 1 Tim. 1:16; Kis. 20:28:

1. Paulus menggembala pekudus di Efesus dengan mengajar mereka “di hadapan orang banyak serta dari rumah ke rumah” (ay. 20) dan menegur setiap satu pekudus dengan air mata selama tiga tahun (ay. 31, 19), menyatakan segala rencana Tuhan kepada mereka (ay. 27).
2. Paulus mempunyai keprihatinan yang intim terhadap para percayawan (2 Kor.

- 7:2-7; Flm. 7, 12), dan dia merendah diri sampai ke tahap orang yang lemah supaya dia dapat memperoleh mereka (2 Kor. 11:28-29; 1 Kor. 9:22; bd. Mat. 12:20).
3. Dia rela menghabiskan apa yang dimilikinya, merujuk kepada harta miliknya, dan menghabiskan apanya dia, merujuk kepada dirinya, demi para pekudus (2 Kor. 12:15); dia ialah korban curahan, bersatu dengan Kristus yang merupakan penghasil wain, mengorbankan dirinya agar orang lain dapat menikmati Kristus (Flp. 2:17; Hak. 9:13; Ef. 3:2).
 4. Paulus bergerak-hidup melalui Roh untuk menghormati Tuhan agar dia dapat memministerkan Roh itu untuk menghormati orang—2 Kor. 3:3, 6, 8; Gal. 5:16, 25; Hak. 9:9.
 5. Dalam ajaran Paulus, dia menunjukkan bahawa gereja ialah rumah untuk membesarkan orang, hospital untuk menyembuhkan dan memulihkan mereka, dan sekolah untuk mengajar dan mendidik-bina mereka—Ef. 2:19; 1 Tes. 5:14; 1 Kor. 14:31.
 6. Dia mewahikan bahawa kasih ialah jalan yang terunggul untuk kita menjadi apa-apa dan melakukan apa-apa demi pembinaan Tubuh Kristus—8:1; 12:31; 13:4-8a; Ef. 1:4; 3:17; 4:2, 15-16; 5:2; 6:24; Wahi 2:4-5; Kol. 1:18b; 1 Tes. 1:3.
- C. “Saya berharap agar kepulihbangkitan yang sejati akan berlaku dalam kalangan kita apabila kita menerima beban penggembalaan ini. Jika semua gereja menerima ajaran ini untuk berbahagian dalam penggembalaan Kristus yang ajaib, kepulihbangkitan yang besar akan berlaku dalam pemulihan”—*Kumpulan Vital*, m.s. 44.

Mesej Dua

Mencapai Puncak Tertinggi Wahi Divin

Bacaan Bible: 1 Tim. 1:4; Ef. 1:10; 3:9; Roma 1:3-4

I. Puncak tertinggi wahi divin yang diberikan Tuhan kepada kita ialah wahi tentang ekonomi abadi Tuhan—Tuhan menjadi manusia agar manusia dapat menjadi Tuhan dalam hayat dan sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan:

A. Seluruh Bible yang merupakan penjelasan bagi ekonomi abadi Tuhan, ialah autobiografi Tuhan Tritunggal yang dilihat dalam dua bahagian keabadian dan pada jambatan masa:

1. Tuhan Tritunggal datang dari keabadian ke dalam masa dan dengan ke-divinan-Nya untuk masuk ke dalam keinsanan untuk menjadi Tuhan yang berinkarnasi agar Dia dapat bergerak secara langsung dalam manusia, dilihat dalam empat Injil, untuk menyempurnakan penebusan judicial-Nya—Yoh. 1:14, 29.
2. Dalam kebangkitan, Dia telah menjadi Tuhan yang majmuk, Tuhan yang “terproses”, Roh beri-hayat yang almuhit, yang dilihat dalam Kisah dan Surat-surat, untuk melaksanakan penyelamatan organik-Nya—Yoh. 1:32, 42; 1 Kor. 15:45b; Flp. 1:19.
3. Dalam keabadian yang akan datang, Dia akan menjadi Tuhan korporat, yakni Yerusalem Baru, yang dilihat dalam Wahi 21 dan 22.
4. Inkorporasi divin-insani yang universal bagi Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumsi dengan percayawan yang dilahirkan, ditransform, dan dimulihkan ialah matlamat ekonomi abadi Tuhan—Yoh. 1:51; Wahi 21:3, 22.
5. Wahi utama Tuhan dan pemulihan Tuan ialah Tuhan menjadi tubuh daging, tubuh daging menjadi Roh beri-hayat, dan Roh beri-hayat diperhebat tujuh kali ganda untuk membina gereja yang menjadi Tubuh Kristus dan yang mengkonsumasikan Yerusalem Baru.

B. Tuhan menjadi manusia agar manusia dapat menjadi Tuhan dalam hayat dan sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan ialah esens seluruh Bible, “berlian” dalam “kotak” Bible, ekonomi abadi Tuhan—Kej. 1:26; Yoh. 12:24; Roma 8:29:

1. Tuhan menjadi manusia menerusi inkarnasi dengan berbahagian dalam keinsanan manusia; manusia menjadi Tuhan menerusi transformasi dengan berbahagian dalam kedivinan Tuhan:
 - a. Berbahagian dalam hayat Tuhan—Yoh. 3:15; Kol. 3:4.
 - b. Berbahagian dalam sifat Tuhan—Ef. 1:4; 2 Ptr. 1:4.
 - c. Berbahagian dalam minda Tuhan—Ef. 4:23; Flp. 2:5.
 - d. Berbahagian dalam diri Tuhan—2 Kor. 3:18b; Ef. 3:8.
 - e. Berbahagian dalam imej Tuhan—2 Kor. 3:18a; Roma 8:29.
 - f. Berbahagian dalam kemuliaan Tuhan—ay. 30; Ibr. 2:10.
 - g. Berbahagian dalam keanakan Tuhan—Ef. 1:5; Roma 8:23.
 - h. Berbahagian dalam penampakan Tuhan—ay. 19.
 - i. Mempunyai rupa Tuhan—1 Yoh. 3:2.
 - j. Menjadi jenis Tuhan—spesies Tuhan—Yoh. 1:12; Roma 8:14, 16.
2. Kisah cinta divin-insani ini ialah subjek seluruh Bible, isi kandungan ekonomi Tuhan, dan rahsia seluruh alam semesta—Kid. 1:1; 6:13.

II. Puncak tinggi wahi divin—“berlian” dalam “kotak” Bible—ialah wahi yang menunjukkan bahawa Tuhan dalam Kristus telah menjadi manusia supaya manusia dapat menjadi Tuhan dalam hayat dan sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan—2 Sam. 7:12-14a; Roma 1:3-4; Ef. 3:17a:

A. “Tuhan menjadi manusia dan manusia menjadi Tuhan” ialah ekonomi Tuhan—1 Tim. 1:4.

- B. Ekonomi abadi Tuhan adalah untuk menjadikan manusia sama seperti Dia dalam hayat dan sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan serta menjadikan diri-Nya satu dengan manusia dan manusia satu dengan-Nya; dengan itu, Dia diperbesar dan diperkembangkan dalam ekspresi-Nya, agar segala atribut divin-Nya dapat diekspresikan dalam virtu insani—Ef. 3:9; 1:10:
 - 1. Kegirangan Tuhan ialah menjadi satu dengan manusia dan menjadikan manusia sama seperti Dia dalam hayat dan sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan—ay. 5, 9.
 - 2. Tuhan menjadi manusia agar Dia dapat memperoleh reproduksi secara besar-besaran bagi diri-Nya, dengan itu menghasilkan satu jenis yang baru, iaitu jenis Tuhan-manusia—Yoh. 1:1, 14; 12:24.
- C. Untuk menggenapi ekonomi Tuhan, kita memerlukan Tuhan membina diri-Nya dalam Kristus ke dalam kita sebagai hayat kita, sifat kita, dan konstitusi kita untuk menjadikan kita Tuhan dalam hayat dan sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan—Ef. 3:17a; Kol. 3:4, 10-11.
- D. Tuhan menjadi manusia menerusi inkarnasi; manusia menjadi Tuhan menerusi kelahiran, pengudusan, pembaruan, transformasi, konformasi, dan pemulihan—Yoh. 3:5-6; 1:12-13; Roma 6:19, 22; 12:2; 8:29-30.

III. Hanya melalui Tuhan menjadi manusia untuk menjadikan manusia Tuhan, barulah Tubuh Kristus dapat dihasilkan; butir ini ialah puncak tinggi bagi visi yang diberikan Tuhan kepada kita—ay. 3; 1:3-4; 8:14; 12:4-5:

- A. Tuhan menjadi manusia untuk menjadikan manusia Tuhan supaya Dia dapat menghasilkan Tubuh Kristus—organisma Tuhan Tritunggal, yang manifestasi muktamadnya ialah Yerusalem Baru—Ef. 1:22-23; 4:4-6; Wahi 21:2, 9-10.
- B. Bible menunjukkan kepada kita bagaimana manusia dapat menjadi Tuhan untuk mempunyai kehidupan Tuhan-manusia dan dengan itu menjadi organisma Tuhan—Roma 1:3-4; 12:4-5:
 - 1. Organisma ini ialah Tuhan menggabungkan dan membaurkan diri-Nya dengan manusia untuk menjadikan manusia Tuhan.
 - 2. Hasil daripada Tuhan menjadi manusia dan manusia menjadi Tuhan ialah satu organisma; organisma ini ialah Tubuh Kristus—penyatuan dan pembauran Tuhan dengan manusia—Ef. 4:4-6, 12.
- C. Tuhan mengutus Anak-Nya untuk menjadi seorang manusia dan menjalani kehidupan Tuhan-manusia menerusi hayat divin; kehidupan sedemikian menghasilkan manusia universal yang sepenuhnya sama seperti Dia—manusia korporat yang menjalani kehidupan Tuhan-manusia melalui hayat divin—Roma 8:3; 12:4-5.
- D. Realiti Tubuh Kristus ialah penyatuan dan pembauran Tuhan dengan manusia untuk menghidupkan keluar Tuhan-manusia yang korporat—Ef. 4:4-6, 24.

Mesej Tiga

Kehidupan Tuhan-Manusia untuk Kepulihbangkitan Baru

Bacaan Bible: Im. 1:3, 9; 6:8-13; Yoh. 21:15-17;
1 Yoh. 3:14; 5:1; 2:6; 4:17; Gal. 6:2-3; Roma 8:2

- I. Hasrat hati Tuhan ialah “realiti itu...dalam Yesus” (Ef. 4:21), iaitu keadaan sebenar kehidupan Tuhan-manusia Yesus seperti yang tercatat dalam empat Injil, dapat diduplikasikan dalam banyak anggota Tubuh Kristus melalui Roh realiti untuk menjadi realiti Tubuh Kristus, yakni puncak tertinggi dalam ekonomi Tuhan, demi kepulihbangkitan baru (ay. 20-24):**
- A. Empat Injil menunjukkan teladan kehidupan yang dihasratkan Tuhan, iaitu acuan kehidupan yang dapat memuaskan Tuhan dan menggenapkan tujuan-Nya; Yesus menjalani kehidupan yang sentiasa melakukan segala hal dalam Tuhan, bersama dengan Tuhan, dan untuk Tuhan; Tuhan berada dalam kehidupan-Nya, dan Dia adalah satu dengan Tuhan; inilah maksud *realiti itu ada dalam Yesus*; mempelajari Kristus sebagaimana realiti itu ada dalam Yesus bererti dibentuk mengikut teladan Kristus, iaitu dikonform kepada imej Kristus—Roma 8:28-29; Ef. 4:20-21.
 - B. Kita sedang disempurnakan oleh Tuan untuk menjadi Tuhan-manusia yang berhidupkan hayat divin dengan menyangkal hayat alamiah kita menurut model Kristus yang merupakan Tuhan-manusia pertama—Mat. 11:29a; 17:5b; 1 Ptr. 2:21:
 - 1. Dalam kehidupan-Nya di bumi, Dia mendirikan teladan, seperti yang diwahikan dalam empat Injil; kemudian Dia disalibkan dan bangkit menjadi Roh beri-hayat supaya Dia dapat memasuki kita untuk menjadi hayat kita; kita belajar daripada Kristus menurut teladan-Nya, bukan melalui hayat alamiah kita tetapi melalui Dia sebagai hayat kita dalam kebangkitan—1 Kor. 15:45b; Kol. 3:4.
 - 2. Kehidupan Kristian kita ialah kehidupan dalam Kristus dan juga kehidupan Kristus dalam kita; kita berada dalam Kristus yang merupakan acuan, dan Dia berada dalam kita sebagai hayat kita; dengan cara ini, kita mempelajari Kristus sebagaimana realiti itu ada dalam Yesus; realiti ini ialah realiti Tubuh Kristus—1 Kor. 1:30; 2 Kor. 5:17; 12:2a; Kol. 1:27; Gal. 2:20; Roma 8:10.
 - C. Apabila kita mengasihi Tuan, menghubungi-Nya, dan berdoa kepada-Nya, secara automatik kita berhidupkan Dia menurut acuan, bentuk, teladan, yang diuraikan dalam buku-buku Injil; dengan cara ini, kita dibentuk, dikonform, kepada imej acuan ini—inilah maksud mempelajari Kristus—Mat. 11:29; Roma 8:29.
 - D. Apabila kita hidup dalam roh pembauran, kita mempelajari Kristus melalui Roh realiti menurut realiti itu yang ada dalam Yesus; kita belajar daripada Dia sebagai model kita supaya biografi-Nya menjadi sejarah kita; kehidupan Tubuh Kristus sebagai manusia baru harus sama sekali serupa dengan kehidupan Yesus yang diwahikan dalam buku Injil—Gal. 6:17-18; Roma 1:1, 9; Ef. 4:20-24; Flp. 2:5; Mat. 11:29; 1 Ptr. 2:21.
 - E. Tujuan Tuhan mengutus Tuan Yesus menjadi manusia adalah supaya Dia menjalani kehidupan Tuhan-manusia melalui hayat divin; apabila kita makan Dia, kita hidup kerana Dia untuk menjadi manusia universal yang agung, yang sama sepenuhnya dengan Dia—manusia yang menjalani kehidupan Tuhan-manusia melalui hayat divin—Rat. 3:22-24, 55-56; Wahi 2:4, 7; Yoh. 6:57, 63; Yer. 15:16; Ef. 6:17-18; Mzm. 119:15.
- II. Satu-satunya kehidupan yang diperkenan Tuhan ialah kehidupan yang merupakan pengulangan kehidupan yang dijalani Kristus di bumi; ini ialah suatu kehidupan yang mengalami Kristus dalam pengalaman-Nya sebagai korban bakaran—Im. 1:9; Yoh. 8:29; 2 Kor. 5:9:**

- A. Korban bakaran mentamsilkan Kristus dalam kehidupan-Nya yang mutlak untuk Tuhan dan demi kepuasan Tuhan; korban bakaran juga mentamsilkan Kristus sebagai hayat yang membolehkan umat Tuhan menjalani kehidupan sedemikian—Im. 1:3; Bil. 28:2-3; Yoh. 5:30; 6:38; 8:29; Ibr. 10:5-10.
- B. Perkataan yang diterjemahkan sebagai “korban bakaran” bermakna sesuatu yang naik ke atas; sesuatu yang naik ke atas ini merujuk kepada Kristus (Im. 1:3, 10, 14); satu-satunya benda yang dapat naik kepada Tuhan dari bumi ini ialah kehidupan yang dijalani Kristus, kerana Dialah satu-satunya orang yang menjalani kehidupan yang mutlak untuk Tuhan (Yoh. 6:38).
- C. Korban bakaran ialah “suatu haruman yang memuaskan untuk Yehova” (Im. 1:9); perkataan Ibrani yang diterjemahkan sebagai “haruman yang memuaskan” secara literal bermaksud “bau-bauan yang merehatkan atau memuaskan”; haruman yang memuaskan ialah bau-bauan yang membawa kepuasan, damai sejahtera, dan rehat; haruman yang memuaskan ini ialah suatu kenikmatan bagi Tuhan.
- D. Hayat Kristus dalam kita ialah realiti korban bakaran—ini merupakan hayat yang patuh, hayat yang tunduk, dan hayat yang bergantung sepenuhnya pada Tuhan menurut prinsip pohon hayat—Flp. 2:8; Yoh. 5:19, 30; Ibr. 5:8; 10:7:
1. Manusia bertindak secara bersendirian dan secara merdeka terpisah daripada Tuhan dan di luar Tuhan ialah dosa; Tuhan mahu kita bertindak menurut arahan-Nya dalam segala sesuatu—Mzm. 40:7-8; 1 Yoh. 3:4.
 2. “Barang siapa yang tidak menerima kingdom Tuhan seperti anak kecil pasti tidak akan masuk ke dalamnya” (Luk. 18:17); Tuhan mahu kita sentiasa seperti anak kecil kerana Dia mahu kita sentiasa bergantung pada-Nya; keyakinan diri ialah musuh kepada kebergantungan kepada Tuhan.
- E. Dengan meletakkan tangan kita pada Kristus sebagai korban bakaran kita menerusi doa yang wajar, kita bergabung dengan-Nya, maka Dia dan kita menjadi satu; apabila Kristus hidup dalam kita, Dia mengulangi kehidupan yang dijalani-Nya di bumi dalam kita, iaitu kehidupan korban bakaran—Im. 1:4; 1 Kor. 6:17; Gal. 2:20.
- F. Dalam penyatuan sedemikian, persepaduan sedemikian, semua kelemahan, kepincangan, dan kesalahan kita telah dipikul-Nya—2 Kor. 5:21; Gal. 2:20a.
- G. Kita harus membenarkan Tuan membakar kita supaya kita dapat terus menjadi korban bakaran untuk membakar orang lain dan dikurangkan menjadi abu agar menjadi Yerusalem Baru untuk ekspresi Tuhan—Mzm. 20:3; Im. 1:16; 6:8-13; 1 Kor. 3:12a; Wahi 3:12; 21:2, 10-11, 18-21:
1. Abu menandakan Kristus dikurangkan sehingga menjadi ketiadaan; oleh sebab kita satu dengan Kristus yang telah dikurangkan sehingga menjadi abu, maka kita juga dikurangkan menjadi abu, iaitu dikurangkan sehingga menjadi ketiadaan, menjadi kosong—Mrk. 9:12; Yes. 53:3; 1 Kor. 1:28; 2 Kor. 12:11.
 2. Semakin kita disepadukan dengan Kristus dalam kematian-Nya, semakin kita menyedari bahawa kita menjadi timbunan abu; apabila kita menjadi abu, kita bukan lagi seorang yang alamiah; sebaliknya, kita ialah seorang yang telah disalibkan, ditamatkan, dibakar—Gal. 2:20a.
- H. Meletakkan abu di sebelah timur mazbah, iaitu di sebelah matahari terbit, ialah rujukan kepada kebangkitan—Im. 1:16; Yoh. 11:25; Flp. 3:10-11; 2 Kor. 1:9:
1. Dengan Kristus sebagai korban bakaran, abu bukanlah pengakhiran, tetapi permulaan; abu bererti Kristus telah dimatikan, tetapi sebelah timur melambangkan kebangkitan—Mrk. 9:31.
 2. Semakin kita dikurangkan menjadi abu dalam Kristus, semakin kita akan diletakkan di sebelah timur, dan di sebelah timur kita mempunyai kepastian bahawa matahari akan terbit dan kita akan mengalami terbitnya matahari kebangkitan—Flp. 3:10-11.
- I. Pada akhirnya, abu itu akan menjadi Yerusalem Baru—Wahi 3:12; 21:2, 10-11:

1. Kematian Kristus membawa kita kepada pengakhiran, mengurangkan kita sehingga menjadi abu, dan dalam kebangkitan abu itu menjadi bahan berharga untuk pembinaan Tuhan—1 Kor. 3:9b, 12a.
2. Apabila kita dikurangkan sehingga menjadi abu, kita dibawa ke dalam transformasi Tuhan Tritunggal untuk menjadi bahan berharga bagi pembinaan Yerusalem Baru—Roma 12:1-2; 2 Kor. 3:18; Wahi 21:18-21.

III. Semasa melaksanakan ministri Wasiat Baru Tuhan, Tuan Yesus, sebagai realiti korban bakaran, tidak melakukan apa-apa daripada diri-Nya (Yoh. 5:19), Dia tidak melakukan kerja-Nya sendiri (4:34; 17:4), Dia tidak membiarkan kata-kata-Nya sendiri (14:10, 24), Dia melakukan segala-gala bukan melalui kehendak-Nya sendiri (5:30), dan Dia tidak mencari kemuliaan-Nya sendiri (7:18); Dia tidak pernah kecewa kerana Dia hanya dipuaskan dengan Tuhan (Yes. 42:4; 50:4-5; 53:2a; bd. Yoh. 4:13-14; 6:15; Mrk. 9:7-8):

- A. Kehidupan Tuan ialah kerja-Nya, pergerakan-Nya, dan ministri-Nya; kerja-Nya ialah kehidupan-Nya, dan pergerakan-Nya ialah diri-Nya; pada Dia, tidak ada perbezaan antara kehidupan-Nya, kerja-Nya, pergerakan-Nya, dan ministri-Nya; Tuan Yesus berhidupkan ministri-Nya—bd. Luk. 22:26-27; Yoh. 10:10b; 1 Kor. 15:45b; 1 Yoh. 5:16a; 2 Kor. 3:6; Flp. 1:25.
- B. Tuan Yesus ialah seorang pendoa; Dia sering pergi ke gunung atau berundur ke tempat peribadi untuk berdoa—Mat. 14:23; Mrk. 1:35; Luk. 5:16; 6:12; 9:28.
- C. Selepas melakukan mukjizat memberi makan kepada lima ribu orang, Dia mendesak disipal-disipal meninggalkan-Nya supaya Dia mempunyai lebih banyak masa untuk berdoa seorang diri kepada Bapa—Mat. 14:22-23:
 1. Dengan berdiri dalam kedudukan manusia (4:4), Raja syurgawi sebagai Anak yang dikasihi Bapa (3:17) perlu berdoa seorang diri kepada Bapa-Nya yang berada di syurga-syurga supaya Dia dapat bersatu dengan Bapa dan mempunyai Bapa bersama-Nya dalam apa jua yang dilakukan-Nya di bumi demi penubuhan kingdom syurga-syurga.
 2. Dia bukan berdoa di tempat terpencil tetapi di gunung, meninggalkan semua orang, bahkan disipal-disipal-Nya agar dapat sendirian semasa menghubungi Bapa.
- D. Oleh sebab Dia seorang pendoa yang bersatu dengan Tuhan, Dia tidak pernah bersendirian, kerana Bapa ada bersama dengan-Nya; Dia melihat wajah Bapa-Nya pada setiap saat—Yoh. 5:19; 16:32; Mzm. 16:7-8; bd. 27:8.

IV. Apabila kita tinggal dalam kasih yang merupakan Tuhan sendiri, kasih telah “disempurnakan pada kita, agar kita beroleh keberanian pada hari penghakiman kerana sebagaimana Dia itu, begitu jugalah kita di dunia ini” (1 Yoh. 4:17)—Kristus sebagai realiti korban bakaran menjalani kehidupan Tuhan sebagai kasih di dunia ini dan kini Dia menjadi hayat kita agar kita dapat menjalani kehidupan kasih yang sama di dunia ini dan menjadi sama seperti apanya Dia (3:14; 5:1; 2:6):

- A. Hukum Roh hayat dalam roh kita ialah hukum Kristus sebagai hukum kasih (Roma 8:2; Gal. 6:2-3); hukum kasih harus disubstansiasi melalui hukum Roh hayat agar kita dapat memikul beban satu sama lain; akan tetapi, jika kita dipenuhi kesombongan, kita tidak dapat memikul beban orang lain kerana kita menipu diri sendiri dengan beranggapan bahawa kita ini seseorang, padahal kita bukan apa-apa (ay. 3).
- B. Apabila hukum kasih diaktifkan dalam kita, secara automatik dan secara spontan kita akan menjadi gembala yang mempunyai hati Tuhan Bapa kita yang penuh kasih dan pengampunan, serta mempunyai roh Kristus Penyelamat kita yang menggembala dan mencari—Yoh. 21:15-17; Luk. 15:3-7.
- C. Apabila hukum kasih diaktifkan dalam kita, jerih lelah kita dalam Tuan ialah jerih lelah kasih (1 Kor. 15:58; 1 Tes. 1:3), yang dalamnya kita “membantu

yang lemah” (Kis. 20:35) dan “topang...yang lemah” (1 Tes. 5:14); *yang lemah* merujuk kepada orang yang lemah, sama ada dalam roh, sukma, atau tubuh mereka, ataupun lemah dalam iktikad (Roma 14:1; 15:1).

- D. Selepas kebangkitan-Nya, Tuan menggembala Petrus dan mengamanatkannya agar memberi makan kepada anak domba-Nya dan menggembala domba-domba-Nya; ini bererti menginkorporasikan ministri dutus dengan ministri Kristus di syurga untuk menjaga kawanan Tuhan, yakni gereja, yang menghasilkan pembinaan Tubuh Kristus agar berkonsumsi dalam Yerusalem Baru demi penyempurnaan ekonomi abadi Tuhan—Yoh. 21:15-17.

Mesej Empat

Menjalani Kehidupan Tuhan-manusia dengan Hidup dalam Kingdom Tuhan yang Merupakan Alam Spesies Divin

Bacaan Bible: Mrk. 1:15; Yoh. 3:3, 5-6; 1:12-13; 2 Ptr. 1:4; 1 Yoh. 3:1

- I. Oleh sebab kita telah dilahirkan daripada Tuhan, kita ialah spesies Tuhan, iaitu kita ialah Tuhan dalam hayat dan sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan—Yoh. 3:3, 5-8.**
- II. Tuhan-manusia mempunyai hak divin untuk berbahagian dalam spesies Tuhan—ay. 3, 5-6; 18:36.**
- III. Sebagai percayawan dalam Kristus, kita menjalani kehidupan Tuhan-manusia—Mrk. 1:15; Yoh. 14:17b, 20; Roma 8:9a, 10; Gal. 5:25:**
 - A. Tuhan dalam Kristus telah dikonstitusikan ke dalam manusia, manusia juga telah dikonstitusikan ke dalam Tuhan; Tuhan dan manusia telah dibaurkan bersama-sama menjadi satu entiti yang dipanggil Tuhan-manusia—Mat. 1:21, 23; Luk. 1:35; Tit. 2:13; 1 Tim. 2:5.
 - B. Tuhan-manusia, anak-anak Tuhan, ialah duplikasi dan kelanjutan Kristus, Tuhan-manusia pertama—Yoh. 12:24; Ibr. 2:10; Roma 8:29.
 - C. Tuhan-manusia ialah orang yang telah dilahirkan daripada Tuhan dan berbahagian dalam hayat dan sifat Tuhan, menjadi satu dengan Tuhan dalam hayat dan sifat-Nya, dengan itu mengekspresikan-Nya—Yoh. 1:12-13; 3:15; 2 Ptr. 1:4; 1 Kor. 6:17.
 - D. Tuhan-manusia dikonstitusikan dengan Tuhan, mempunyai Tuhan sebagai hayat, sifat, dan segalanya; seorang Tuhan-manusia ialah manusia namun Tuhan, dan Tuhan namun manusia—Ef. 3:16-17a.
 - E. Kehidupan insani Kristus ialah manusia berhidupkan Tuhan untuk mengekspresikan atribut Tuhan dalam virtu insani yang dipenuhi, dibaurkan, dan ditepu dengan atribut divin—Luk. 1:26-35; 7:11-17; 10:25-37; 19:1-10.
 - F. Sebagai reproduksi dan duplikasi Tuhan-manusia yang pertama, kita harus menjalani kehidupan yang sama seperti yang dijalani-Nya:
 1. Kehidupan Tuhan-manusia Tuan telah mendirikan satu model bagi kehidupan Tuhan-manusia kita—disalibkan untuk berhidupkan Tuhan supaya Tuhan dapat diekspresikan dalam keinsanan—Gal. 2:20.
 2. Tuan Yesus tidak menjalani kehidupan dengan berusaha untuk menjadi rohani, kudus, dan menang; Dia menjalani kehidupan yang sepenuhnya menurut dan untuk ekonomi Wasiat Baru Tuhan.
 3. Dalam empat Injil, kita melihat Yesus menjalani kehidupan Tuhan-manusia, dan dalam buku Kisah, kita melihat para disipal juga menjalani kehidupan yang sedemikian.
 4. Kristus menjalani kehidupan yang menderita, suatu kehidupan yang penuh penderitaan; kini kita ialah rakan kongsi-Nya yang menjalani kehidupan yang sama; apabila kita menderita untuk Kristus, penderitaan kita dikira oleh Tuhan sebagai penderitaan Kristus—Ibr. 3:14.
 5. Kita harus menyangkal diri kita, dikonform kepada kematian Kristus, dan memperbesar Dia melalui perbekalan limpah lengkap daripada Roh-Nya—Mat. 16:24; Flp. 3:10; 1:19-21a.
 6. Dia yang telah menjalani kehidupan Tuhan-manusia kini ialah Roh yang hidup dalam kita dan menerusi kita; kita harus menolak usaha pemupukan diri dan pembinaan manusia alamiah kita, serta tidak membenarkan apa pun selain Dia ini memenuhi kita dan menduduki kita, supaya kita dapat berhidupkan-Nya serta mengekspresikan-Nya secara peribadi dan secara korporat dalam gereja, iaitu Tubuh-Nya—Ef. 3:16-19; 1:22-23.

IV. Sebagai percayawan dalam Kristus, kita hidup dalam kingdom Tuhan—Roma 14:17:

- A. Kingdom Tuhan ialah Tuhan sendiri—Mrk. 1:15; Mat. 6:33.
- B. Kingdom Tuhan ialah Tuhan dalam Kristus sebagai totaliti hayat divin berserta segala aktiviti-Nya—Yoh. 11:25; 10:10b; 14:6.
- C. Kingdom Tuhan ialah alam hayat divin untuk hayat ini bergerak, bekerja, memerintah, dan mengawal supaya hayat dapat menyempurnakan tujuannya.
- D. Kingdom Tuhan ialah suatu organisma yang dikonstitusikan dengan hayat Tuhan untuk menjadi alam hayat bagi pemerintahan-Nya; dalam alam ini, Dia memerintah melalui hayat-Nya dan mengekspresikan diri-Nya sebagai Trinitas Divin dalam hayat divin—15:1-8, 16, 26.
- E. Kingdom Tuhan ialah suatu alam, bukan sahaja alam pemerintahan divin malah alam spesies divin; dalam alam ini terdapat semua hal divin—3:3, 5-6; 18:36:
 - 1. Dalam Yohanes 3, kingdom Tuhan lebih merujuk kepada spesies Tuhan daripada merujuk kepada pemerintahan Tuhan.
 - 2. Tuhan menjadi manusia untuk masuk ke dalam spesies manusia, dan manusia menjadi Tuhan dalam hayat dan sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan untuk masuk ke dalam spesies divin—1:1, 12-14; Roma 8:3; 1:3-4.
 - 3. Untuk masuk ke dalam alam spesies divin, kita perlu dilahirkan daripada Tuhan untuk memiliki sifat dan hayat divin—Yoh. 1:12-13; 3:3, 5-6, 15; 2 Ptr. 1:4:
 - a. Tuhan mencipta manusia bukan menurut jenis manusia, tetapi menurut imej-Nya dan mengikut rupa-Nya untuk menjadi jenis Tuhan, spesies Tuhan—Kej. 1:26.
 - b. Percayawan yang dilahirkan daripada Tuhan melalui kelahiran untuk menjadi anak-anak Tuhan dalam hayat dan sifat-Nya tetapi bukan dalam Ketuhanan-Nya, adalah lebih jenis Tuhan daripada Adam—Yoh. 1:12-13:
 - (1) Adam hanya mempunyai penampilan luaran tanpa realiti dalaman hayat divin.
 - (2) Kita, percayawan dalam Kristus dan anak-anak Tuhan, mempunyai realiti hayat divin, dan kita sedang ditransform dan dikonform kepada imej Tuan dalam seluruh diri kita—2 Kor. 3:18; Roma 12:2; 8:29.
 - (3) Kelahiran kedua kita, iaitu kelahiran, membolehkan kita masuk ke dalam kingdom Tuhan untuk menjadi spesies Tuhan—Yoh. 3:3, 5-6.
 - (4) Kita telah dilahirkan untuk menjadi jenis Tuhan; sebagai anak-anak Tuhan, kita ialah jenis Tuhan, spesies Tuhan—Roma 8:19; 1br. 2:10.
 - (5) Semua anak Tuhan berada dalam alam divin spesies divin—Yoh. 1:12-13; 3:3, 5.
 - (6) Para percayawan ialah Tuhan-manusia dalam spesies divin, iaitu dalam kingdom Tuhan—1 Yoh. 3:1a; Yoh. 3:5.
- F. Kita hidup dalam kingdom Tuhan yang merupakan alam hayat divin melalui perasaan hayat—Roma 8:6.
- G. Dalam gereja, kita hidup dalam kingdom Tuhan hari ini; Roma 14:17 ialah bukti yang kukuh bahawa kehidupan gereja hari ini ialah kingdom.
- H. Apabila kita melatih bahagian kita yang merupakan ciptaan baru—Kristus sendiri sebagai elemen kingdom Tuhan—kita hidup dalam kingdom Tuhan.
 - I. Para pejayang akan mewarisi kingdom Kristus dan kingdom Tuhan supaya mereka dapat masuk ke dalam manifestasi kingdom syurga-syurga—2 Tim. 4:18.

V. Dalam Injil Yohanes kita melihat banyak aspek kehidupan percayawan dalam alam spesies divin—1:16; 15:4a, 9, 11; 4:23-24; 14:2, 20, 23; 17:22-24:

- A. “Daripada kepenuhan-Nya, kita semua telah menerima, dan kurnia atas kurnia”—1:16.

- B. “Air yang akan Kuberikan kepadanya akan menjadi sumber mata air dalamnya, yang memancar keluar ke dalam hayat abadi”—4:14b.
- C. “Dia yang makan Aku, juga akan hidup kerana Aku”—6:57b.
- D. “Jika sesiapa melayan Aku, hendaklah dia mengikut Aku, dan di mana Aku berada, di situ juga hamba-Ku akan berada. Jika sesiapa melayan Aku, Bapa akan menghormatinya”—12:26.
- E. “Dalam rumah Bapa-Ku, ada banyak tempat tinggal...Aku pergi untuk menyediakan tempat bagimu”—14:2.
- F. “Pada hari itu, kamu akan tahu bahawa Aku berada dalam Bapa-Ku, kamu dalam Aku, dan Aku dalam kamu”—ay. 20.
- G. “Jika sesiapa mengasihi Aku, dia akan mematuhi sabda-Ku dan Bapa-Ku akan mengasihinya, dan Kami akan datang kepadanya dan membuat tempat tinggal bersama dengannya”—ay. 23.
- H. “Tinggallah dalam Aku dan Aku dalam kamu”—15:4a.
- I. “Jika kamu tinggal dalam Aku dan sabda-Ku tinggal dalam kamu, mintalah apa jua yang kamu ingini, dan ini akan dilakukan untukmu”—ay. 7.
- J. “Sebagaimana Bapa mengasihi Aku, Aku juga mengasihimu; tinggallah dalam kasih-Ku”—ay. 9.
- K. “Hal-hal ini telah Kubicarakan kepada kamu agar keriang-Ku dapat berada dalam kamu dan keriangmu pula dapat dijadikan penuh”—ay. 11.
- L. “Hal-hal ini telah Kubicarakan kepadamu, agar dalam Aku kamu mempunyai damai sejahtera”; “Damai sejahtera-Ku Aku berikan kepadamu”—16:33a; 14:27b.
- M. “Bapa yang kudus, jagalah mereka dalam nama-Mu yang Engkau beri kepada-Ku, supaya mereka menjadi satu, bahkan sama seperti Kita”—17:11b.
- N. “Kemuliaan yang Engkau beri kepada-Ku telah Kuberi kepada mereka, supaya mereka menjadi satu, bahkan sama seperti Kita adalah satu”—ay. 22.
- O. “Aku dalam mereka, dan Engkau dalam Aku, supaya mereka dapat disempurnakan menjadi satu”—ay. 23a.
- P. “Bapa, berkenaan apa yang telah Engkau beri kepada-Ku, Aku berhasrat agar mereka juga dapat bersama dengan-Ku di mana Aku berada, supaya mereka dapat melihat kemuliaan-Ku”—ay. 24a.

**Ministri Dutus Bekerjasama dengan Menteri Kristus di Surga
untuk Menggembala Gereja Tuhan yang Merupakan Kawan-Nya
demi Pembinaan Tubuh Kristus dan Kepulihbangkitan Baru**

Bacaan Bible: Yoh. 10:11, 16; 21:15-17; 1 Ptr. 2:25; 5:4; Ibr. 13:20; Wahi 1:13; 2:1, 7

- I. Mazmur 22 hingga 24 ialah sekelompok mazmur yang mewahikan Kristus dari penyaliban-Nya menerusi penggembalaan-Nya hingga kemaharajaan-Nya pada zaman yang akan datang:**
 - A. Mazmur 23, yang berkaitan dengan Kristus sebagai Gembala dalam kebangkitan dan kenaikan-Nya ke syurga, ialah jambatan antara kematian Kristus yang menebus dan kebangkitan-Nya yang menghasilkan gereja dalam Mazmur 22, dengan perkembalian Kristus sebagai Raja yang akan memperoleh semula seluruh bumi menerusi gereja yang merupakan Tubuh-Nya dalam Mazmur 24.
 - B. Dalam ministri-Nya di syurga, Kristus sentiasa menggembala orang, dan kita perlu bekerjasama dengan-Nya dengan menggembala orang; jika kita menerima persekutuan sebegini, kepulihbangkitan yang besar akan berlaku di bumi untuk membawa Tuan kembali.
- II. Yohanes 21 mewahikan ministri dutus bekerjasama dengan ministri Kristus di syurga; bab ini merupakan pelengkapan dan konsumsi bagi Injil Yohanes:**
 - A. Injil Yohanes mempunyai dua puluh satu bab, namun Injil Yohanes sebenarnya berakhir dengan bab 20.
 - B. Seluruh buku ini membicarakan ministri Kristus di bumi, bermula dengan inkarnasi Dia sebagai Sabda Tuhan yang menjadi manusia dalam tubuh daging (1:14) dan berakhir dengan kebangkitan Dia sebagai Adam terakhir yang menjadi Roh beri-hayat (20:22); oleh itu, bab 21 sepatutnya merupakan satu lampiran.
 - C. Walaupun betul berkata sebegini, namun adalah lebih intrinsik untuk mengatakan bahawa Yohanes 21 merupakan pelengkapan dan konsumsi Injil Yohanes; bab ini menyempurnakan seluruh Injil Yohanes dengan menunjukkan bahawa ministri Kristus di syurga dan ministri dutus di bumi bekerjasama untuk melaksanakan ekonomi Tuhan.
- III. Dalam Yohanes 10:10-11 dan 16, Tuan menyingkapkan kepada disipal-disipal bahawa Dia ialah Gembala baik yang datang supaya domba dapat beroleh hayat secara berlimpah-limpah, dan bahawa Dia mempunyai domba lain (bangsa Asing), dan Dia harus memimpin domba lain ini untuk digabungkan dengan mereka (percayawan Yahudi) agar menjadi satu kawan (satu gereja) di bawah satu Gembala:**
 - A. Penggembalaan Tuan pertama kali adalah dalam ministri-Nya di bumi—Mat. 9:36; bd. 10:1-6.
 - B. Penggembalaan Tuan yang kedua adalah dalam ministri-Nya di syurga (1 Ptr. 5:4) untuk menjaga gereja Tuhan, yang menghasilkan Tubuh-Nya.
- IV. Tuan mengamanatkan Petrus untuk memberi makan kepada anak-anak domba-Nya dan menggembala domba-domba-Nya:**
 - A. Ketika Tuan tinggal bersama disipal-disipal-Nya selepas kebangkitan dan sebelum kenaikan-Nya ke syurga, dalam salah satu penampakan-Nya, Dia mengamanatkan Petrus untuk memberi makan kepada anak-anak domba-Nya dan menggembala domba-domba-Nya dalam ketiadaan-Nya, sementara Dia berada di syurga-syurga—Yoh. 21:15-17.
 - B. Ini adalah untuk menginkorporasikan ministri dutus dengan ministri Kristus di syurga bagi menjaga kawan Tuhan, iaitu gereja yang menghasilkan Tubuh Kristus.

- C. Kemudian dalam buku Kisah, Petrus berkata, “Kami akan terus berteguhan dalam doa dan dalam ministri sabda” (6:4); ini adalah untuk bekerjasama dengan ministri doa-pinta Kristus di syurga (Ibr. 7:25) dan ministri yang memministerkan Tuhan ke dalam umat-Nya (8:2).
- D. Petrus begitu terkesan dengan amanat Tuan ini sehingga dalam buku pertamanya dia memberitahu para percayawan bahawa mereka adalah seperti domba yang sesat, tetapi kini mereka telah kembali kepada Gembala dan Penguruselia sukma mereka (1 Ptr. 2:25):
 - 1. Kristus menghuni kita secara dalaman untuk menjadi hayat dan segala-gala kita, tetapi Dia juga menguruselia, memerhatikan keadaan dan situasi diri dalaman kita.
 - 2. Dia menggembala kita dengan menjaga kebajikan diri dalaman kita dan menguruselia keadaan sukma kita, iaitu persona kita yang sebenar—bd. Ibr. 13:17.
- E. Petrus menasihati para penatua agar menggembala kawanan Tuhan dalam kalangan mereka supaya apabila Ketua Gembala dimanifestasikan, mereka, iaitu penatua yang setia, akan menerima mahkota kemuliaan yang tidak luntur—1 Ptr. 5:1-4.
- F. Kata-kata Petrus menunjukkan bahawa ministri Kristus di syurga terutamanya adalah untuk menggembala gereja Tuhan, iaitu kawanan-Nya yang menghasilkan Tubuh-Nya.

V. Kata-kata dutus Paulus yang berikut juga menunjukkan inkorporasi ministri dutus dengan ministri Kristus di syurga untuk menjaga kawanan Tuhan:

- A. Dalam Kisah 20:28, Paulus memberitahu para penatua di Efesus, “Berhati-hatilah kamu untuk sendiri dan untuk semua kawanan; dalam kalangan mereka Roh Kudus telah menempatkan kamu sebagai penguruselia untuk menggembala gereja Tuhan yang diperoleh-Nya [atau dibeli-Nya] menerusi darah-Nya sendiri.”
- B. Paulus berkata, “Aku tahu bahawa setelah aku berangkat, serigala-serigala ganas akan masuk ke kalangan kamu tanpa menyayangi kawanan” (ay. 29); dutus tidak mementingkan nyawa dia sendiri (ay. 24), tetapi amat prihatin akan masa depan gereja yang merupakan harta baginya dan bagi Tuhan.
- C. Dalam Ibrani 13:20 Paulus berkata, “Tuhan...membangkitkan Tuan kita Yesus, iaitu Gembala agung domba, daripada yang mati, melalui darah waadah yang abadi”:
 - 1. Waadah yang abadi ini ialah waadah wasiat baru untuk memperoleh kawanan, iaitu gereja, yang menghasilkan Tubuh dan mengkonsumasikan Yerusalem Baru; waadah abadi Tuhan adalah untuk mengkonsumasikan Yerusalem Baru melalui penggembalaan.
 - 2. Tuhan membangkitkan Tuan kita daripada yang mati untuk menjadikan Dia Gembala agung bagi mengkonsumasikan Yerusalem Baru menurut waadah abadi Tuhan.

VI. Tujuan dan matlamat utama ministri dutus berinkorporasi dengan ministri Kristus di syurga adalah untuk membina Tubuh Kristus yang akan mengkonsumasikan Yerusalem Baru bagi menyempurnakan ekonomi abadi Tuhan—bd. Ef. 3:2, 8-9; 1 Ptr. 5:10.

VII. Hal berkenaan menggembala kawanan Tuhan demi tujuan utama dan konsumsi muktamad ekonomi abadi Tuhan ini juga disebut dalam Kidung Agung:

- A. “Beritahulah aku, engkau yang dicintai sukma, Di manakah engkau menggembala kawanan dombamu [untuk kepuasan]?/Di manakah engkau membaringkan kawanan domba pada tengah hari [untuk rehat]?”—1:7a.
- B. “Keluarlah ikut jejak kaki kawanan domba,/Dan gembalalah anak-anak kambingmu/Dekat dengan khemah-khemah gembala”—ay. 8b.
- C. “Kekasihku milikku, dan aku miliknya;/Dia menggembala kawanan dombanya

di tengah-tengah bunga bakung [pencari Kristus yang menjalani kehidupan yang menaruh kepercayaan kepada Tuhan dengan hati yang tulus]—2:16.

D. “Aku milik kekasihku, dan kekasihku milikku; / Dia menggembala kawanan dombanya di tengah-tengah bunga bakung”—6:3.

VIII. Menggembala percayawan amatlah penting untuk pertumbuhan mereka dalam hayat; kita harus mengambil jalan menggembala untuk memberitakan injil dan memulihbangkitkan gereja:

A. Kita harus berdoa, “Tuan, aku ingin dipulihbangkitkan; bermula dari hari ini, aku mahu menjadi gembala; aku mahu pergi memberi orang makan, menggembala orang, dan menghimpunkan orang menjadi satu kawanan.”

B. Dalam Yohanes 10 dan 21, Tuan menggunakan tiga perkataan berkenaan penggembalaan: *beri makan*, *gembala*, dan *kawanan* (10:16; 21:15-16); kita juga boleh menggunakan perkataan *kawanan* sebagai kata kerja (bererti menjadi satu kawanan).

C. Semua gereja harus belajar berhimpun menjadi satu kawanan supaya mereka dapat dibaurkan bersama; para penatua dan rakan sekerja seharusnya mendahului untuk mengamalkan hal ini.

IX. Jagaan organik terhadap kaki pelita emas merupakan ministri Kristus di syurga, untuk membelai gereja-gereja dalam keinsanan-Nya dan mengkhasiati gereja-gereja dalam kedivinan-Nya bagi menghasilkan pejayeng menerusi penggembalaan organik-Nya—Wahi 1:13; 2:7; Yoh. 10:11, 14; 1 Ptr. 2:25; 5:4; Ibr. 13:20:

A. Anak Manusia berada dalam keinsanan-Nya, tali pinggang emas menandakan kedivinan-Nya, dan dada menandakan kasih:

1. Kristus telah berikat pinggang di pinggang, diperkuat untuk kerja divin (Kel. 28:4; Dan. 10:5), untuk menghasilkan gereja-gereja, tetapi sekarang Dia berikat pinggang di dada, menjaga gereja-gereja yang telah dihasilkan-Nya melalui kasih-Nya (Wahi 1:13).

2. Tali pinggang emas menandakan kedivinan Kristus sebagai tenaga divin-Nya, dan dada menandakan tenaga emas ini digunakan dan didorong oleh dan dengan kasih-Nya untuk mengkhasiati gereja-gereja.

B. Kristus sebagai Anak Manusia menjaga gereja-gereja dalam keinsanan-Nya untuk membelai mereka—ay. 13a:

1. Dia mengemaskan pelita pada kaki pelita supaya keadaan pelita itu wajar, membelai kita supaya kita gembira, senang hati, dan selesa—Kel. 30:7; bd. Mzm. 42:5, 11:

a. Hadirat Tuan memberikan suasana yang lembut dan mesra untuk membelai kita, memberi kita rehat, keselesaan, penyembuhan, pembersihan, dan galakan.

b. Kita boleh menikmati suasana hadirat Tuan yang membelai dalam gereja untuk menerima perbekalan hayat yang mengkhasiati—Ef. 5:29; bd. 1 Tim. 4:6; Ef. 4:11.

2. Dia menggantung sumbu pelita pada kaki pelita, menyingkirkan segala hal negatif yang menghalang kita daripada bersinar—Kel. 25:38:

a. Bahagian sumbu yang hangus menandakan benda-benda yang tidak menurut tujuan Tuhan, yang perlu digunting, seperti tubuh daging kita, manusia alamiah kita, diri kita, dan ciptaan lama kita.

b. Dia menggunting segala perbezaan dalam kalangan gereja (salah laku, kekurangan, kegagalan, dan kepincangan) supaya mereka menjadi sama dalam esens, penampilan, dan ekspresi—bd. 1 Kor. 1:10; 2 Kor. 12:18; Flp. 2:2.

C. Kristus menjaga gereja-gereja dalam kedivinan-Nya dengan kasih divin-Nya, yang dilambangkan oleh tali pinggang emas yang diikat pada dada-Nya, untuk mengkhasiati gereja—Wahi 1:13b:

1. Dia mengkhiasiati kita dengan diri-Nya sebagai Kristus yang almuhit dalam tiga tahap ministri penuh-Nya supaya kita dapat bertumbuh dan menjadi matang dalam hayat divin untuk menjadi pejayeng-Nya bagi menyempurnakan ekonomi abadi-Nya.
 2. Sebagai Kristus yang berjalan, Dia mengetahui keadaan setiap gereja, dan sebagai Roh yang berbicara, Dia mengemaskan dan memenuhi kaki pelita dengan minyak yang segar, yakni perbekalan Roh itu—2:1, 7; bd. Kel. 27:20-21; Za. 4:6, 11-14.
 3. Untuk berbahagian dalam pergerakan-Nya dan menikmati jagaan-Nya, kita harus berada dalam gereja.
- X. Menerusi penggembalaan Kristus yang ajaib, kita menikmati Dia sebagai berkat kita pada hari ini dan hingga keabadian—Yes. 49:10; Wahi 7:9-17; Yoh. 6:35; 4:13-14; Mzm. 36:7-9; 91:1; Yes. 12:1-6; Wahi 22:1.**

Mesej Enam

Menggembala Menurut Tuhan

Bacaan Bible: Yoh. 21:15-17; Kis. 20:28; 1 Ptr. 5:2, 4; Ef. 4:16

- I. **Dalam pemulihan Tuan hari ini terdapat keperluan yang mendesak terhadap penggembalaan.**
- II. **Menggembala bererti memberi jagaan yang serba merangkumi dan lembut mesra kepada kawanan domba—Yoh. 21:15-17; Kis. 20:28:**
 - A. Penggembalaan merujuk kepada menjaga semua keperluan domba.
 - B. Semua domba perlu mendapat bekalan yang mencukupi dan jagaan yang baik.
- III. **Kristus ialah Gembala baik, Gembala agung, Ketua Gembala, dan Gembala sukma kita—Yoh. 10:9-17; Ibr. 13:20-21; 1 Ptr. 5:4; 2:25:**
 - A. Sebagai Gembala baik, Tuan Yesus datang supaya kita beroleh hayat dan berolehnya dengan berlimpah-limpah—Yoh. 10:10-11:
 1. Dia menyerahkan hayat-sukma-Nya, hayat insani-Nya, bagi menyempurnakan penebusan untuk domba-Nya supaya mereka dapat berbahagian dalam hayat *zoe* Dia, yakni hayat divin-Nya—ay. 11, 15, 17.
 2. Dia memimpin domba-Nya keluar dari kandang ke dalam diri-Nya sebagai padang rumput, yakni tempat memberi makan, supaya mereka dapat makan Dia secara bebas dan dikhasiati-Nya—ay. 9.
 3. Tuan telah membentuk percayawan Yahudi dan percayawan Asing menjadi satu kawanan (gereja, Tubuh Kristus) di bawah penggembalaan-Nya—ay. 16.
 - B. Tuhan membangkitkan “Tuan kita Yesus, iaitu Gembala agung domba” daripada yang mati “melalui darah waadah yang abadi”—Ibr. 13:20:
 1. Waadah abadi adalah untuk mengkonsumasikan Yerusalem Baru melalui penggembalaan.
 2. Waadah abadi ialah waadah wasiat baru untuk memperoleh kawanan domba, iaitu gereja, yang menghasilkan Tubuh Kristus dan berkonsumsi dalam Yerusalem Baru.
 - C. Sebagai Ketua Gembala, Kristus menggembala kawanan-Nya menerusi para penatua dalam gereja-gereja—1 Ptr. 5:4:
 1. Tanpa penggembalaan penatua, gereja tidak dapat dibina.
 2. Penggembalaan penatua seharusnya ialah Kristus menggembala menerusi mereka.
 - D. Sebagai Gembala sukma kita, Kristus pneumatik menguruselia keadaan dalaman kita, menjaga situasi diri dalaman kita—2:25:
 1. Dia menggembala kita dengan menjaga kebajikan sukma kita dan dengan menguruselia keadaan diri dalaman kita.
 2. Oleh sebab sukma kita sangat rumit, kita memerlukan Kristus yang merupakan Roh beri-hayat dalam roh kita, untuk menggembala kita dalam sukma kita, untuk menjaga minda, emosi, dan tekad kita serta masalah, keperluan, dan luka kita.
- IV. **Untuk menggembala menurut Tuhan, kita perlu menjadi satu dengan Tuhan, dikonstitusikan dengan Tuhan, berhidupkan Tuhan, mengekspresikan Tuhan, mewakili Tuhan, dan meministerkan Tuhan:**
 - A. Menggembala menurut Tuhan menuntut kita menjadi satu dengan Tuhan dan dikonstitusikan dengan-Nya—Yoh. 14:20; 1 Kor. 6:17; Ef. 3:17a; Kol. 3:10-11.
 - B. Hanya orang yang berhidupkan Tuhan dapat menggembala menurut Tuhan—Flp. 1:21a.
 - C. Hasrat abadi Tuhan adalah untuk menggarapkan diri-Nya ke dalam kita untuk menjadi hayat kita, supaya kita dapat mengekspresikan-Nya—Kej. 1:26; Ef. 1:11; 3:11; 2 Tim. 1:9.

- D. Sebagai orang yang menggembala menurut Tuhan, kita perlu mewakili Tuhan dan berfungsi sebagai pemangku Tuhan—2 Kor. 1:3-4, 12, 15-16; 2:10; 10:11; 11:2.
- E. Menggembala menurut Tuhan berarti meministerkan Tuhan kepada orang lain:
 1. Sejauh mana kita dapat meministerkan Tuhan kepada orang lain bergantung pada sejauh mana diri kita dihancurkan oleh Tuhan untuk pengaliran hayat—4:10-12, 16; Ibr. 4:12.
 2. Jika kita ingin meministerkan Tuhan kepada satu sama lain, kita perlu membicarakan kata-kata kurnia, kebenaran, roh, dan hayat, meministerkan Tuhan terproses yang telah digarapkan ke dalam diri kita—Ef. 3:16-17a; 4:25, 29; Yoh. 6:63.

V. Petrus mengarahkan para penatua supaya menggembala kawanan domba Tuhan menurut Tuhan—1 Ptr. 5:2:

- A. *Menurut Tuhan* bermaksud bahawa kita harus berhidupkan Tuhan.
- B. Apabila kita menjadi satu dengan Tuhan, kita menjadi Tuhan dan kita ialah Tuhan dalam penggembalaan kita terhadap orang lain—Roma 11:24.
- C. Menggembala menurut Tuhan berarti menggembala menurut sifat, hasrat, cara, dan kemuliaan Tuhan, bukan menurut kegemaran, kepentingan, tujuan, dan disposisi kita sendiri.
- D. Menggembala menurut Tuhan berarti menggembala menurut apanya Tuhan dalam atribut-Nya.
- E. Untuk menggembala menurut Tuhan, kita perlu menjadi Tuhan dalam hayat, sifat, ekspresi, dan fungsi:
 1. Kita perlu dipenuhi sepenuhnya dengan hayat divin, menikmati Tuhan Tritunggal sebagai sumber air, mata air, dan sungai untuk menjadi totaliti hayat divin, bahkan menjadi hayat divin itu sendiri—Yoh. 4:14; Kol. 3:4.
 2. Kita perlu menjadi Tuhan dalam atribut-Nya, iaitu kasih, cahaya, keadilan, dan kekudusan.
 3. Kita perlu menjadi reproduksi Kristus, iaitu ekspresi Tuhan, supaya dalam penggembalaan kita, kita mengekspresikan Tuhan, bukan diri dengan disposisi dan sifat anejanya.
 4. Kita perlu menjadi Tuhan dalam fungsi-Nya, iaitu fungsi menggembala kawanan domba Tuhan, menurut apanya Dia dan menurut matlamat-Nya dalam ekonomi-Nya.

VI. Penggembalaan yang membina Tubuh Kristus ialah penggembalaan yang saling-menyaling—1 Kor. 12:23-26:

- A. Kita semua perlu berada di bawah penggembalaan organik Kristus dan bersatu dengan-Nya untuk menggembala orang lain—Yoh. 21:15-17.
- B. Semua percayawan, tidak kira tahap mana pertumbuhan rohani mereka, memerlukan penggembalaan.
- C. Kita semua mempunyai kecacatan dan kekurangan dan memerlukan orang lain menggembala kita.
- D. Kita ialah domba dan juga gembala, saling menggembala dan digembala.
- E. Menerusi penggembalaan yang bersifat saling-menyaling ini, Tubuh Kristus membina dengan sendiri dalam kasih—Ef. 4:16.